

dilemparkan kepadanya ('Aaishah).⁶¹² Lalu mereka kembali bertanya,⁶¹³ tetapi beliau tidak berganjak (daripada jawapan yang telah diberikan). Beliau (tetap)

⁶¹² “‘Ali telah mengambil sikap berdiam diri terhadap tuduhan yang dilemparkan kepadanya ('Aaishah)” ini adalah salah satu terjemahan bagi kata-kata 'Aaishah: كَانَ عَلِيٌّ مُسْلِمًا فِي شَأْنِهَا. Perkataan مُسْلِمًا dibaca dengan shighah isim fā'il dan juga isim maf'ul. Dalam kebanyakan nuskah Sahih Bukhari ia dibaca dengan shighah isim fā'il مُسْلِمًا. Al-Ashili selepas meriwayatkannya dengan lafaz مُسْلِمًا berkata: “Demikianlah kami telah membacanya, dan kami tidak mengetahui cara bacaan yang lain selainnya.” Di dalam nuskah al-Ĥamawi pula ia dibaca dengan shighah isim maf'ul مُسْلِمًا. Di dalam nuskah an-Nasafi dan Ibnu as-Sakan pula tersebut perkataan مُسِيئًا di tempat مُسْلِمًا atau مُسْلِمًا itu.

Jika dibaca dengan shighah isim fa'il, maka ia boleh memberi dua pengertian:

(1) 'Ali telah mengambil sikap berdiam diri terhadap tuduhan yang dilemparkan kepadanya ('Aaishah). Tidak beliau membersihkan 'Aaishah daripada fitnah yang disebarkan dan tidak juga beliau menuduhnya atau berpihak kepada penuduh-penuduhnya. Perkataan مُسْلِمًا kalau begitu dipakai dengan erti سَاكِتًا.

(2) 'Ali telah menerima tuduhan yang dilemparkan terhadap 'Aaishah.

Jika dibaca dengan shighah isim maf'ul pula, maka ia juga boleh memberi dua pengertian:

(1) 'Ali selamat daripada terlibat sama dalam memfitnah 'Aaishah atau selamat daripada terpengaruh dengan orang-orang yang menuduhnya.

(2) 'Ali terpelihara daripada terlibat sama dalam memfitnah 'Aaishah atau terpelihara daripada terpengaruh dengan orang-orang yang menuduhnya. Perkataan مُسْلِمًا kalau begitu dipakai dengan erti محفوظًا.

Jika perkataan مُسِيئًا pula diterima di tempat مُسْلِمًا itu, maka ia juga boleh memberi dua pengertian:

(1) 'Ali berpandangan tidak baik terhadap 'Aaishah. Ertinya 'Ali juga terlibat dalam fitnah menuduh 'Aaishah, atau beliau tidak menuduh dan menyebarkan fitnah itu tetapi telah menyakiti 'Aaishah juga.

(2) 'Ali telah bersikap tidak baik terhadap 'Aaishah yang sedang bersedih pada ketika itu dengan tidak turut bersedih bersamanya atau bersimpati dengannya. Beliau dalam keadaan itu masih berkata kepada Rasulullah s.a.w. يَا رَسُولَ اللَّهِ لَمْ يُضَيِّقْ اللَّهُ عَلَيْكَ وَالنِّسَاءَ سِوَاهَا كَثِيرٌ (Wahai Rasulullah, Allah tidak pernah menyusahkanmu, masih ramai lagi wanita selainnya).

Perkataan مُسِيئًا dalam keadaan ini dipakai sebagai lawan bagi perkataan مُخْبِتًا.

Kesimpulannya ialah dengan shighah isim fa'il hanya erti pertama (1) sahaja boleh diterima. Dengan shighah isim maf'ul pula kedua-dua ertinya boleh diterima. Dan dengan perkataan مُسِيئًا pula kedua-dua ertinya tidak boleh diterima, kerana kedua-duanya tidak sesuai dengan peribadi Saiyyidina 'Ali yang begitu mulia.

'Abdur Razzaq telah meriwayatkan daripada Ma'mar bin Rasyid dengan lafaz مُسِيئًا di tempat perkataan مُسْلِمًا. Oleh kerana perkataan itu memberi erti yang buruk dan tidak sesuai dengan peribadi saiyyidina 'Ali, Imam Bukhari tidak menerima riwayat 'Abdur

berkata: “Musalliman (mengambil sikap berdiam diri) tanpa ragu tentang perkataan itu”. Demikianlah ia tercatat di dalam nuskah lama (Sahih Bukhari).

٤١٤٣- حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَّانَةَ عَنْ حُصَيْنٍ عَنْ أَبِي وَائِلٍ قَالَ حَدَّثَنِي مَسْرُوقُ بْنُ الْأَجْدَعِ قَالَ حَدَّثَنِي أُمُّ رُومَانَ وَهِيَ أُمُّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَتْ بَيْنَا أَنَا قَاعِدَةٌ أَنَا وَعَائِشَةُ إِذْ وَلَجَتْ امْرَأَةٌ مِنَ الْأَنْصَارِ فَقَالَتْ فَعَلَ اللَّهُ بِفُلَانٍ وَفَعَلَ فَقَالَتْ أُمُّ رُومَانَ وَمَا ذَاكَ قَالَتْ ابْنِي فِيمَنْ حَدَّثَ الْحَدِيثَ قَالَتْ وَمَا ذَاكَ قَالَتْ كَذَا وَكَذَا قَالَتْ عَائِشَةُ سَمِعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ نَعَمْ قَالَتْ وَأَبُو بَكْرٍ قَالَتْ نَعَمْ فَخَرْتُ مَعْشِيًا عَلَيْهَا فَمَا أَفَاقَتْ إِلَّا وَعَلَيْهَا حُمَى بِنَافِضٍ فَطَرَحْتُ عَلَيْهَا ثِيَابَهَا فَعَطِئْتُهَا فَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا شَأْنُ هَذِهِ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخَذْتُهَا الْحُمَى بِنَافِضٍ قَالَ فَلَعَلَّ فِي حَدِيثٍ تُحَدِّثُ بِهِ قَالَتْ نَعَمْ فَقَعَدْتُ عَائِشَةَ فَقَالَتْ وَاللَّهِ لَئِنْ خَلَفْتُ لَا تُصَدِّقُونِي وَلَئِنْ قُلْتُ لَا تَعْذِرُونِي مَتَلِي وَمَثَلُكُمْ كَيْغَفُوبَ وَبَيْنِيهِ { وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ } قَالَتْ وَأَنْصَرَفَ وَلَمْ يَقُلْ شَيْئًا فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَذْرَهَا قَالَتْ بِحَمْدِ اللَّهِ لَا بِحَمْدِ أَحَدٍ وَلَا بِحَمْدِكَ

4143- Musa bin Isma'il meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu 'Awaanah (Waddhāh bin 'Abdillah al-Yasykuri) meriwayatkan kepada kami daripada Hushain (bin 'Abdir Rahman al-Wāsithi) daripada Abi Wā'il (Syaqīq bin Salamah al-Asadi), katanya: Masruq bin al-Ajda' meriwayatkan kepadaku, katanya: Ummu Rūmān, ibu 'Aaishah r.a. meriwayatkan kepadaku, katanya: “Ketika aku dan 'Aaishah sedang duduk-duduk, tiba-tiba datang seorang wanita Anshār seraya berkata: “Semoga Allah mengajar si fulan dan benar-benar mengajarnya!” Ummu Rūmān, bertanya: “Ada apa sebenarnya?”. Wanita itu berkata: “Anakku juga termasuk dalam orang-orang yang menyebarkan berita

Razzaaq itu, beliau bahkan menerima riwayat Hisyam bin Yusuf daripada Ma'mar dengan maksud menolak riwayat 'Abdur Razzaaq tersebut.

⁶¹³ tentang lafaz manakah yang telah diriwayatkan oleh beliau, musalliman-kah atau musī'an? Sebenarnya ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab - mungkin dari kalangan Nāshibiyyah atau Syi'ah - telah mentashhīfkan perkataan مُسَلِّمًا kepada مُسِينًا. Az-Zuhri tidak menyokong riwayat dengan lafaz مُسِينًا itu, beliau sebaliknya tidak berganjak daripada riwayat dengan lafaz مُسَلِّمًا. Menurut al-Kirmani dan al-'Aini, orang yang ditanya di sini ialah az-Zuhri. Menurut Hafizh Ibnu Hajar pula orang yang ditanya di sini ialah Hisyam bin Yusuf. Beliau ditanya oleh murid-muridnya untuk memastikan lafaz manakah yang betul di situ?

ini.”⁶¹⁴ `Aaishah bertanya: “Berita apa itu?”. Wanita itu menjawab: “Begini dan begini”. `Aaishah bertanya lagi: “Apakah Rasulullah s.a.w. telah mendengarnya?” Dia menjawab: “Ya”. `Aaishah bertanya seterusnya: “Dan Abu Bakr?”. Dia menjawab: “Ya”. Maka `Aaishah jatuh pingsan dan tidak sedarkan diri melainkan setelah menderita demam sejuk. Aku lalu menyelimutinya dengan pakaiannya dan menutupinya hingga Nabi s.a.w. datang dan bertanya: “Ada apa dengannya?” Aku menjawab: “Wahai Rasulullah, dia diserang demam sejuk.” Baginda bersabda: “Mungkin kerana berita yang tersebar itu?” Ummu Rūmān, berkata: “Ya benar.” Kemudian `Aaishah duduk dan berkata: “Demi Allah, seandainya aku bersumpah (bahawa aku bersih daripada segala tuduhan itu),

⁶¹⁴ Satu persoalan timbul di sini iaitu di kalangan Anshār hanya dua orang sahaja yang dikatakan telah berperanan besar dalam penyebaran berita palsu dan fitnah terhadap `Aaishah itu. Mereka ialah Ḥassān bin Tsābit dan `Abdullah bin Ubai si munafiq yang terkenal itu. Tetapi ibu kedua-dua mereka pada ketika itu sudah tiada. Jadi bagaimana wanita Anshār itu berkata, “Anakku juga termasuk dalam orang-orang yang menyebarkan berita ini”. Siapa nama wanita Anshār itu dan siapa pula anaknya? Jawapan yang biasa diberikan ialah mungkin ia dikatakan ibu kerana ada hubungan penyusuan dengannya.

Perkara kedua yang juga menimbulkan kemusykilan di sini ialah riwayat 4143 ini dinukilkan oleh Masrūq secara langsung dengan lafaz taḥdīts daripada Ummu Rūmān. Sedangkan Masrūq seorang Tābi`i, Ummu Rūmān pula telah pun meninggal dunia semasa hayat Rasulullah s.a.w. lagi. Bagaimana Masrūq boleh bertemu dengannya? Itulah sebabnya Khathīb al-Baghdadi dan beberapa orang yang lain menganggap riwayat ini sebagai terputus (munqathi`) sanadnya.

Hafizh Ibnu Hajar menyelesaikan kemusykilan ini dengan berkata, asas bagi keputusan yang dibuat oleh Khathīb al-Baghdadi dan lain-lain itu sebenarnya adalah kenyataan al-Wāqidi. Dialah yang menyebutkan Ummu Rūmān telah meninggal dunia di zaman Rasulullah s.a.w. masih hidup lagi. Al-Wāqidi sebagaimana diketahui semua orang bukanlah satu sumber periwayatan yang autentik, sehingga kita dapat menolak sesuatu riwayat yang sahih kerananya.

Menghukum hadits ini sebagai munqathi` semata-mata kerana kenyataan al-Wāqidi itu tidak wajar, lebih-lebih lagi apabila ada keterangan daripada orang-orang yang lebih berwibawa daripadanya. Imam Bukhari di dalam at-Tārīkh al-Kabīr dan at-Tārīkh al-Ausath-nya telah menukilkan bahawa Ummu Rūmān meninggal dunia pada tahun 15 Hijrah.

Ibnu al-Qayyim di dalam Zādul Ma`ād juga mentarjihkan pendapat yang mengatakan Ummu Rūmān meninggal dunia selepas kewafatan Baginda s.a.w. Jadi, walaupun Masrūq seorang Tābi`i, pertemuannya dengan Ummu Rūmān mungkin sekali berlaku. (Lihat Faṭḥul Bāri j.7 m/s 438, Zādul Ma`ād j.3 m/s 266-268).

kamu tidak akan mempercayaku dan seandainya aku mengemukakan (apa-apa alasan),⁶¹⁵ maka kamu tidak akan menerima alasanmu. Keadaanku dan kamu semua tak ubah seperti keadaan Ya'qub a.s. dan anak-anaknya ketika dia (Ya'qub) berkata: “Dan Allah sajalah yang dimohon pertolongan-Nya terhadap apa yang kamu ceritakan.” (Yusuf:18). Ummu Rūmān, berkata: “Baginda pun pergi tanpa mengucapkan sepatah perkataan pun. Kemudian Allah menurunkan firman-Nya yang menjelaskan kesucian diri `Aaishah dari segala tuduhan. (Pada ketika itu) `Aaishah berkata: “Dengan pujian kepada Allah, bukan dengan pujian kepada orang lain, bukan juga dengan pujian kepadamu.”

٤١٤٤ - حَدَّثَنِي يَحْيَى حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ نَافِعِ بْنِ عُمَرَ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا كَانَتْ تَقْرَأُ إِذْ تَلْفُوْنَهُ بِالسِّنِّتِمْ وَتَقُولُ الْوَلَقُ الْكَذِبُ قَالَ ابْنُ أَبِي مُلَيْكَةَ وَكَانَتْ أَعْلَمَ مِنْ غَيْرِهَا بِذَلِكَ لِأَنَّهُ نَزَلَ فِيْهَا.

4144 - Yahya (bin Ja'far bin A'yan) meriwayatkan kepadaku, katanya: Wakī' (bin al-Jarrāh) meriwayatkan kepada kami daripada Nāfi' bin `Umar (bin `Abdillah al-Jumāhi al-Qurasyi) daripada Ibnu Abi Mulaikah (`Abdullah bin `Ubaidillah) daripada `Aaishah r.a. (bahawa) beliau (`Aaishah) selalu membaca: إِذْ تَلْفُوْنَهُ بِالسِّنِّتِمْ.⁶¹⁶ Kata beliau: الْوَلَقُ bererti kedustaan. Ibnu Abu Mulaikah berkata: “`Aaishah adalah orang yang lebih tahu (tentang hal itu) daripada orang lain, kerana memang ayat itu turun tentang dirinya.”⁶¹⁷

⁶¹⁵ Antaranya ialah aku tertinggal di belakang kerana telah pergi mencari kalungku yang hilang.

⁶¹⁶ Bacaan (qiraat) yang masyhur dan mutawatir berhubung dengan firman Allah ini ialah تَلْفُوْنَهُ iaitu dengan tasydid qāfnya. Tetapi `Aaishah selalu membacanya dengan تَلْفُوْنَهُ yang berpunca daripada perkataan الْوَلَقُ yang bererti dusta. Kalau dibaca begitu maka ertinya ialah “ketika kamu berbohong atau berdusta dengan lidah-lidah kamu”.

⁶¹⁷ Maksud kata-kata Ibnu Abi Mulaikah itu ialah kalau begitu bacaannya dengan تَلْفُوْنَهُ juga betul dan tidak salah. Bacaan `Aaishah itu memanglah betul juga daripada sudut ma'nanya, tetapi yang rājiḥ tetaplah bacaan yang masyhur dan yang lumrah dibaca oleh semua orang. Bagi penulis, bacaan-bacaan seperti ini seharusnya dianggap sebagai bacaan untuk pentafsiran atau قراءة تفسيرية terhadap sesuatu perkataan di dalam al-Qur'an.

Kata-kata Ibnu Abi Mulaikah bahawa oleh kerana ayat itu turun mengenai diri `Aaishah, maka dialah orang yang lebih tahu tentang bacaannya daripada orang-orang

٤١٤٥- حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا عَبْدُهُ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ ذَهَبْتُ أُسْبُ حَسَّانَ عِنْدَ عَائِشَةَ فَقَالَتْ لَا تَسُبَّهُ فَإِنَّهُ كَانَ يُتَافَحُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَتْ عَائِشَةُ اسْتَأْذَنَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي هِجَاءِ الْمُشْرِكِينَ قَالَ كَيْفَ بِنَسِي قَالَ لَأَسْلَتَكَ مِنْهُمْ كَمَا تُسَلُّ الشَّعْرَةَ مِنَ الْعَجِينِ.
حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عُقْبَةَ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ فَرْقَدٍ سَمِعْتُ هِشَامًا عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَبَبْتُ حَسَّانَ وَكَانَ مِنْ كَثَرِ عَلَيْهَا.

4145 – `Utsman bin Abi Syaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdah (bin Sulaiman al-Kilābi) meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam daripada ayahnya, katanya: Pernah aku mencela Ḥassān di hadapan `Aaishah, maka beliau berkata: “Janganlah kamu mencelanya kerana dia termasuk orang yang pernah membela Rasulullah s.a.w. `Aaishah berkata: “Dia pernah meminta izin kepada Nabi s.a.w. untuk mencela kaum Musyrikin, Baginda bertanya: “Bagaimana dengan nasabku (keturunanku)?”⁶¹⁸ Ḥassān berkata: “Aku akan mengeluarkan tuan daripada mereka sebagaimana dikeluarkan rambut daripada adunan.”⁶¹⁹

Muhammad bin `Uqbah (at-Thaḥḥān al-Kufi) meriwayatkan kepada kami, katanya: `Utsman bin Farqad (al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku telah mendengar Hisyam meriwayatkan daripada ayahnya, katanya: “Pernah aku mencela Ḥassān, kerana dia termasuk dalam orang-orang yang berperanan besar dalam menyebarkan berita bohong terhadap `Aaishah.”

٤١٤٦- حَدَّثَنِي بِشْرُ بْنُ خَالِدٍ أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ سُلَيْمَانَ عَنْ أَبِي الضُّحَى عَنْ مَسْرُوقٍ قَالَ دَخَلْنَا عَلَى عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا وَعِنْدَهَا حَسَّانُ بْنُ ثَابِتٍ يُنْشِدُهَا شِعْرًا يُشَبِّبُ بِأَبْيَاتٍ لَهُ وَقَالَ

lain, alasan ini sebenarnya tidak kuat, kerana tidak semestinya apabila sesuatu ayat al-Qur'an turun mengenai seseorang, maka dialah orang yang lebih tahu berbanding orang-orang lain tentang segala-gala yang berkaitan dengannya.

⁶¹⁸ Sebabnya ialah Rasulullah s.a.w. mempunyai pertalian kerabat dan kekeluargaan dengan mereka. Ada saja pertalian darah di antara Baginda dengan mana-mana suku-sakat Quraisy sekalipun.

⁶¹⁹ Maksudnya ialah nama baik tuan tetap tidak akan tercemar walaupun saya mencela mereka. Pandailah saya menggunakan bahasa sehingga tuan tidak akan terpalit sama. Keadaan saya dalam melaksanakan misi ini tak ubah seperti seorang yang menarik rambut keluar dari adunan dengan cermat. Rambut tidak tercemar dan tidak juga akan terputus dalam adunan.

حَصَانٌ رَزَانٌ مَا تُرْزُ بِرَبِيَّةٍ وَتُصْبِحُ غَزْنِي مِنْ لُحُومِ الْعَوَافِلِ فَقَالَتْ لَهُ عَائِشَةُ لَكِنَّكَ لَسْتَ كَذَلِكَ قَالَ مَسْرُوقٌ فَقُلْتُ لَهَا لِمَ تَأْذِينِ لَهُ أَنْ يَدْخُلَ عَلَيْكَ وَقَدْ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى { وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ } فَقَالَتْ وَأَيُّ عَذَابٍ أَشَدُّ مِنَ الْعَمَى قَالَتْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ يُتَافَحُ أَوْ يُهَاجَى عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

4146 - Bisyr bin Khalid meriwayatkan kepadaku, katanya: Muhammad bin Ja'far (Ghundar) meriwayatkan kepada kami daripada Syu'bah daripada Sulaiman (al-A'masy) daripada Abi Ad-Dhuha (Muslim bin Shabih al-Kufi) daripada Masruq, kata beliau: Aku menemui 'Aaishah, ketika itu Hassān bin Tsabit sedang memperdengarkan sya'ir kepadanya. Beberapa bait daripadanya merupakan tasybib.⁶²⁰ Sya'ir Hassān itu begini adanya (bermaksud): Dia (kekasihku) suci dan sangat terhormat, tidak tahu menuduh sama sekali. Dia lapar tidak pandai mengumpat orang.⁶²¹

⁶²⁰ Tasybib ialah beberapa rangkap sya'ir sebagai pembuka sesuatu qasidah. Ia mengandungi kisah-kisah cinta, peristiwa-peristiwa indah di zaman muda remaja, kecantikan kekasih dan lain-lain.

⁶²¹ Inilah sebahagian daripada sya'ir tasybib yang diungkapkan oleh Hassān pada hari itu. Ma'na asal لُحُومِ الْعَوَافِلِ وَتُصْبِحُ غَزْنِي ialah dia lapar terhadap daging wanita-wanita yang langsung tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan. Ibarat ini merupakan kinayah (bahasa kiasan) kepada langsung tidak tahu mengumpat orang. Lapar terhadap daging wanita-wanita bererti dia tidak pandai langsung mengumpat orang, jika dia selalu mengumpat bererti dia selalu memakan daging orang dan akan kenyang kerananya.

Dengan erti yang sama juga Allah berfirman di dalam al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. (al-Hujurat:12).

`Aaishah berkata kepadanya: “Tetapi kamu tidak begitu.” Kata Masruq: Aku bertanya kepada `Aaishah: “Mengapa engkau mengizinkannya menemuimu, padahal Allah telah berfirman?:

وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١﴾

Bermaksud: ...dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat). (an-Nūr:11).

`Aaishah menjawab: “Siksa apakah yang lebih berat daripada kebutaan?”

`Aaishah melanjutkan: “Sesungguhnya dia selalu membela Rasulullah s.a.w. (dalam membalas caci maki musuh).”